

## CABARAN TEKNOLOGI DAN PERANAN KHALIFAH DALAM NOVEL *RUANG PERJALANAN*

TUAN RUSMAWATI RAJA HASSAN  
Universiti Sains Malaysia  
[rusmawati@usm.my](mailto:rusmawati@usm.my)

MAWAR SAFEI  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my)

### ABSTRAK

Perbahasan mengenai ketergantungan manusia terhadap teknologi dalam karya fiksi Barat dan novel dikesani wujud seawal 1984 misalnya *The Machine Stops* dan *Neuromancer*. Pemeragaan isu ini kemudian menjalar dalam kesusasteraan Melayu terutamanya novel. Justeru, artikel ini diajukan bagi memperlihatkan bagaimana novel Melayu dapat memberikan manfaat terhadap konflik berkenaan. Sampel kajian yang digunakan adalah novel oleh Sasterawan Negara S. Othman Kelantan iaitu *Ruang Perjalanan* (1989). Kajian meninjau hasil karya sastera Melayu yang berkaitan dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah dengan menggunakan pendekatan Islam, memanfaatkan apa yang diajukan Kuntowijoyo sebagai Gagasan Profetik. Kajian ini menemukan bahawa dalam Gagasan Profetik, S.Othman Kelantan memperagakan ketekalannya mengangkat watak-watak dalam novel dengan menyelitkan satu bentuk perutusan yang perlu dimaknai khalayak. Ini berlaku ke atas *Ruang Perjalanan* yang ditekuni menggunakan salah satu daripada tiga etika dalam Gagasan Profetik iaitu etika *amar ma'ruf*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, pengarang menghilangkan keadaan ketergantungan, kekerasan, kebencian dalam kalangan watak-watak serta mengembalikan eksistensi mereka dirosakkan oleh “manusia mesin”, “masyarakat massa” dan “budaya massa”. Kajian ini merumuskan bahawa S.Othman Kelantan bukan sahaja mengangkat isu khalifah terhadap perwatakan dalam novel, malahan sifat tersebut juga sangat terserlah melalui karya dan aspek latar diri pengarang sehingga merentas kepada akar tradisi Melayu-Islamnya. Ia dikesani apabila beliau juga memanfaatkan kedudukannya sebagai seorang penulis untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah Allah.

**Kata Kunci:** *Amar Ma'ruf*; Gagasan Profetik; khalifah Allah; novel *Ruang Perjalanan*; S.Othman Kelantan

### ABSTRACT

Debates over human dependence on technology in Western works of fiction and novel are traced to as early as 1984 such as *The Machine Stops* and the *Neuromancer*. Reenactment issue then spread in Malay literature, especially novels. Hence, this paper proposed to show how the Malay novel can provide benefits to the conflict. The study sample used is a novel by Sasterawan Negara S. Othman Kelantan, namely *Ruang Perjalanan* (1989). The study reviewed the results of the Malay literary works related to the role of man as the caliph of Allah on the Islamic approach, making use of what is put

forward as an idea Prophetic Kuntowijoyo. This study found that in Gagasan Profetik, S.Othman Kelantan demonstrated his consistency in lifting the characters in the novel by inserting a form of message that needs to be interpreted by the audience. This applies to the Ruang Perjalanan which is pursued using one of the three ethics in the Prophetic Idea which is the ethics of *amar ma'ruf*. The findings show that, the author removes the state of dependence, violence, hatred among the characters and restores their existence damaged by "machine man", "mass society" and "mass culture". This study concluded that S.Othman Kelantan not only raised the issue of the caliphate of the character in the novel, but also very evident that the nature of the work and the author of the background yourself up across the Malay-Islamic roots. It was detected when he also took advantage of his position as a writer to carry out his responsibilities as the caliph of Allah.

**Keywords:** *Amar Ma'ruf*; Profetik Ideas; caliph of Allah; *Ruang Perjalanan the novel*; S.Othman Kelantan;

## PENGENALAN

Pemeragaan isu ketergantungan manusia terhadap teknologi dalam karya fiksyen Barat dan novel dikesani wujud seawal 1984 misalnya *The Machine Stops* dan *Neuromancer*. Lewat karya ini, didapati pengarangnya iaitu Forster dan William Gibson memaparkan keburukan yang terjadi akibat daripada sikap manusia yang menjadi hamba kepada teknologi sehingga diperagakan sebagai manusia setengah mesin (*cyborg*). Pemeragaan isu ini kemudian menebar dalam kesusasteraan Melayu terutamanya novel. Walaupun pada waktu tersebut, kemajuan teknologi di Malaysia tidak setanding dengan negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat, namun pengarang Melayu dilihat berani untuk bereksperimen. Hal ini kemungkinan pengarang Melayu mulai terpengaruh dengan karya-karya Barat. Walau bagaimanapun, satu hal yang memperlihatkan jurang besar antara karya Barat dan sastera Melayu adalah perbezaan budaya dan agama. Justeru, artikel ini diajukan bagi memperlihatkan bagaimana novel Melayu dapat memberikan manfaat terhadap konflik berkenaan. Sampel kajian yang gunapakai adalah novel oleh Sasterawan Negara S. Othman Kelantan iaitu *Ruang Perjalanan* (1989).

*Ruang Perjalanan* antara lain mengisahkan "aku", seorang pesara pensyarah sebuah universiti yang hidup dengan nilai zaman lampau. Bagi "aku", akal, nafsu dan hati adalah organisme abstrak yang saling berhubung dalam diri manusia untuk berfikir, berkeyakinan dan menerima kewujudan tuhan. "aku" digambarkan terpaksa berhadapan dengan "anakku" yang mempunyai sifat yang bertentangan iaitu dikongkong oleh nilai kebendaan dan menekankan kepercayaan kepada sains dan teknologi.

Di sudut lain, novel ini sebenarnya sebuah mimpi; mimpi sebuah dunia "akan" yang sebahagian besarnya sudahpun berlaku pada zaman ini. Malah zaman "akan" yang diramalkan akan berlaku sebetulnya bertolak dari zaman kontemporari yang dialami dan diperhatikan pengarang masa pada waktu itu. Justeru, masa depan yang dijangkakan itu sekurang-kurangnya tiga abad lagi atau mungkin sahaja terjadi lebih awal. Kemajuan bukan sahaja dilihat dari segi perkembangan sains dan teknologi malahan dari aspek sosialisasi dan kehidupan insan itu sendiri (Abdullah Tahir, 1990: 70).

Bertolak dari bab tiga seolah-olah bermulanya satu mimpi (malah bukan satu mimpi tetapi imbas kembali). Seluruh ceritanya adalah sebuah dunia, sebuah kehidupan yang "akan" berlaku. Selepas bab tiga, seluruhnya adalah mimpi belaka. Pengarang tidak pernah menyebut bahawa dia sudah sedar daripada mimpinya. Ini meyakinkan khalayak bahawa seluruh cerita itu adalah mimpi yang melibatkan "aku", "anakku" dan "cucuku".

Walau bagaimanapun, *Ruang Perjalanan* dilihat mengajak khalayak meneliti satu persatu perdebatan atau dialog yang berunsur falsafah. Tujuan pengarang menggunakan gagasan humanisme pada watak “aku” adalah untuk menyedarkan “anakku” tentang kebenaran Islam dalam kehidupan moden akan datang. Novel *Ruang Perjalanan* juga merupakan sebuah novel intertekstual kerana ia merupakan hasil pengembangan daripada cerpen “Aku dan anakku” (Ahmad Kamal Abdullah, 1993: 223).

Pemerhatian kajian ini dihalakan terhadap hasil karya sastera Melayu yang terkait dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah menggunakan pendekatan Islam, memanfaatkan apa yang diajukan Kuntowijoyo sebagai Gagasan Profetik. Novel *Ruang Perjalanan* ditekuni dengan mengaplikasikan salah satu daripada etika dalam Sastera Profetik iaitu *amar ma'ruf*. Berdasarkan etika ini, akan dibincangkan juga hubungannya dengan prinsip *habl min Allah* dan *habl min al-Nas* dalam teks. Perkaitan hubungan ini digali bagi memperlihatkan kaitannya dengan peranan manusia sebagai khalifah Allah pada zaman teknologi. Hal ini bagi melihat sejauhmana kepengarangan S. Othman Kelantan dalam menghasilkan karya yang memenuhi konsep humanisasi seperti yang ditegaskan Kuntowijoyo dalam Gagasan Sastera Profetiknya.

## METODOLOGI

Gagasan Profetik merupakan pendekatan dialektik yang membawa maksud “sastera yang menjalankan kritikan sosial dan penilaian secara beretika” (Norsuhada Mohammed, 2017: 14). Dalam konteks kajian ini, Gagasan Profetik yang diperkenalkan Kuntowijoyo pada tahun 1988 dipercayai mampu menjadi satu kerangka yang ampuh dalam usaha melihat sejauhmana perletakan nilai karya sastera di Malaysia. Ia bakal dicungkil melalui pemeragaan watak-watak dalam novel yang diwakili oleh S. Othman Kelantan. Adalah diharapkan melalui kajian ini, ia menawarkan satu “wacana baru” bagi menilai perkembangan sastera Malaysia mutakhir dalam usaha penyebaran nilai-nilai Islam. Matlamat penting penelitian karya S. Othman Kelantan menggunakan Gagasan Profetik adalah untuk menjadi panduan kepada penulis lain dalam usaha menghasilkan karya yang memenuhi tuntutan Islam.

Titik tolak gagasan ini menurut kenyataan Kuntowijoyo (2006: 20) adalah berdasarkan surah Ali Imran ayat 110, “Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh yang makruf, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah”. Ayat itu berisi tiga perkara iaitu “amar makruf” (menyuruh kebaikan), “nahi mungkar” (mencegah kemungkaran) dan “tu’minuna billah” (beriman kepada Allah). Berdasarkan tiga perkara tersebut, Kuntowijoyo membahagikan Gagasan Profetiknya kepada tiga perihal menggunakan istilahnya tersendiri iaitu humanisasi, liberasi dan transendensi.

Dalam konteks gagasan Kuntowijoyo, etika *amar ma'ruf* membawa pengertian menghilangkan keadaan ketergantungan, kekerasan, kebencian dalam kalangan manusia serta mengembalikan eksistensi manusia yang larut atau dirosakkan oleh “manusia mesin”, “masyarakat massa” dan “budaya massa” (Kuntowijoyo, 2006: 9). Hal ini secara langsung memungkinkan manusia kembali kepada fitrahnya sebagai makhluk yang sebaik-baiknya sesuai dengan martabat kejadiannya (Kuntowijoyo, 2001: 258). Dalam konteks sastera, Kuntowijoyo mahu karya menolak yang berunsur dehumanisasi (kehilangan nilai kemanusiaan). Justeru itu, seni sastera secara khususnya berperanan dalam “mengajak kembali manusia ke arah kebaikan”. Hal ini penting untuk ditujukan kepada masyarakat zaman kini yang hidup dalam era globalisasi dan industrialisasi. Ia juga selari dengan apa yang dikatakan oleh Mohd Faizal Musa (2010: 89) iaitu, usaha memanusikan kembali manusia ini harus berdepan dengan situasi masyarakat sofistikated.

Merujuk kepada perkataan *amar ma'ruf*, ia bermaksud mengajak manusia mengerjakan perbuatan baik (Abul Khairi al-Latifi, 1994: 55). Mengajak kepada kebaikan adalah lanjutan daripada mendakwahkan manusia kepada kebesaran Allah SWT, sunnah Rasul-Nya dan ketaatan terhadap segala perintah Allah dan Rasul-Nya (Abul Khairi al-Latifi, 1994: 58). Intipati daripada mengajak kepada kebaikan adalah menyeru sekalian manusia untuk beriman dan bertakwa dengan sebenar-benarnya. Hal ini kerana, semakin tinggi tahap ketakwaan seseorang itu, maka semakin tinggi juga kedudukannya di sisi Allah.

Menyeru kepada kebaikan atau *amar ma'ruf* ini dipadankan dengan istilah humanisasi oleh Kuntowijoyo (Saifullizan Yahaya, 2013: 117). Humanisasi merupakan salah satu daripada tiga muatan ilmu sosial profetik selain liberasi dan transendental. Kuntowijoyo mahu menebarluaskan cakupan makna “*amar ma'ruf*” yang terdapat dalam surah Ali Imran, ayat 110. Secara tidak langsung, ia memberi ruang kepada pengarang untuk tidak melihat kesempitan makna yang sebelumnya hanya bermaksud “mengajak manusia melakukan kebaikan”. Melihat kepada pembangunan dan perkembangan Islam kini, seakan berlaku sedikit kegawatan sedang melanda masyarakat (Ismail Hj. Ibrahim, 1999: 1). Cabaran saintifik dirasakan begitu hebat, pembangunan teknologi yang pesat dan cabaran global lainnya yang melanda dunia kian memerangkap masyarakat Islam. Ia menjadikan masyarakat yang sememangnya tidak cukup persediaan agama menjadi keliru dan tidak mempunyai panduan untuk menentukan pendirian mereka sebagai generasi Islam yang mantap dalam menghadapi arus modenisasi dan globalisasi sekarang.

Instrument kajian ini adalah kaedah dokumentasi atau kepustakaan (kualitatif). Novel *Ruang Perjalanan* ditekuni dengan menerapkan salah satu daripada tiga etika dalam gagasan Profetik Kuntowijoyo iaitu *amar ma'ruf*. Berdasarkan etika tersebut, ditemukan tiga bentuk eksistensi manusia yang dirosakkan oleh teknologi iaitu “manusia mesin”, “masyarakat massa” dan “budaya massa”. Manusia mesin bermaksud kebergantungan sepenuhnya pada teknologi ini, manusia digambarkan seakan kehilangan nilai-nilai kemanusiaan.

Menurut pendapat Kuntowijoyo (2006: 11), manusia dan masyarakat massa terbentuk melalui suatu proses yang panjang. Masyarakat massa lebih merupakan suatu kesatuan antara peribadi yang semula bebas, utuh dan rasional yang pudar (Saifullizan Yahaya, 2013: 124). Masyarakat kini berada dalam era perindustrian yang maju (Ismail Hj. Ibrahim, 1999: 1). Masyarakat hari ini tidak lagi primitif atau berada dalam kemunduran sama ada dalam bidang ilmu pengetahuan, teknologi dan perindustrian misalnya. Ia merupakan antara tanda negara sudah mencapai evolusi kemajuan dalam semua bidang. Kekuatan yang membentuk masyarakat massa adalah ekonomi, politik, sosial, teknologi dan budaya misalnya. Kuntowijoyo menegaskan bahawa elemen-elemen ini berperanan dalam membentuk sesebuah masyarakat. Namun begitu, proses pembinaan masyarakat akan terjejas sekiranya elemen-elemen yang dinyatakan tumbuh tidak selari dengan Islam.

Budaya massa menurut Kuntowijoyo (2006: 11) adalah terbentuk oleh manusia mesin dan masyarakat massa. Budaya massa yang terhasil kesan daripada dua aspek tersebut adalah budaya yang merosakkan masyarakat. Oleh itu, Kuntowijoyo menyarankan agar penulis kembali menyedarkan khalayak tentang budaya warisan yang mereka miliki, atau apa yang dimaknakan Kuntowijoyo sebagai “budaya adihulung” (Saifullizan Yahaya, 2013: 136). Kuntowijoyo menyeru penulis untuk memanfaatkan karya mereka bagi membanteras karenah budaya massa.

## ULASAN LITERATUR

Kajian ini antara lain memperlihatkan cabaran teknologi dan peranan khalifah dalam karya sastera. Ditinjau daripada kajian lepas, beberapa tulisan pernah ditumpukan terhadap hubungan berkenaan. Misalnya kajian tentang kesan negatif teknologi dalam kehidupan dan karya sastera digembleng para sarjana. Ia diperagakan menerusi beberapa artikel, misalnya.

Kajian berjudul “Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja” oleh Naquiah Nahar, Sahrnzam Sngi et all (2019) menyatakan bahawa ledakan teknologi telah mengakibatkan kehidupan kanak-kanak telah mengubah cara hidup mereka. Pada suatu ketika dahulu alam kanak-kanak merupakan satu kehidupan yang dipenuhi dengan aktiviti bermain di luar rumah telah bertukar kepada keterperukan di rumah dengan penggunaan teknologi seperti televisyen, komputer, telefon pintar serta permainan video. Kajian ini dikerjakan bagi meneliti kesan negatif penggunaan teknologi moden terhadap perkembangan fizikal, komunikasi dan kehidupan sosial kanak-kanak. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, kajian komparatif dan analisi historitikal. Dapatan menunjukkan bahawa, penggunaan teknologi yang tidak terkawal menyebabkan fizikal dan otot kanak-kanak terbantut, kamahiran interpersonal turut terjejas selain daripada kemerosotan prestasi akademik.

Arief Luqman, Aquarini Priyatna dan Lina Meilinawati Rahayu (2015) dalam artikel berjudul “Ketergantungan Manusia Terhadap Teknologi Dalam Novel *Neuromancer* Karya William Gibson” cuba menampilkan pola ketergantungan manusia terhadap teknologi dan dampaknya dalam novel *Neuromancer*. Pembahasan mengenai isu ketergantungan terhadap teknologi dan kaitannya dengan isu kekuasaan menemukan tiga dapatan iaitu, *Neuromancer* menggambarkan bagaimana teknologi mengakibatkan ketergantungan manusia terhadap sensasi dan fasiliti yang tersedia dalam teknologi, teknologi yang berpotensi mengancam kehidupan manusia dan inovasi teknologi yang digambarkan novel *Neuromancer* tidak terlepas dari ideologi kelas penguasa. Dapat dikatakan bahawa, pola ketergantungan manusia terhadap mesin difokuskan pada penggambaran teknologi dan penggunaannya serta dampak yang ditimbulkannya terhadap pengguna.

Pemeragaan manusia (watak) yang terkait dengan fungsi mereka sebagai khalifah Allah ditemukan dalam karya sastera. Amir Zakiy Hamzah dan Che Abdullah Che Ya (2019) menerusi “Novel Ibnu Ahmad Al Kurauwi: Manifestasi Hubungan Antara Manusia dan Khalifah di Bumi Allah”. Pengkaji meneliti dua buah novel karya Ibnu Ahmad Al-Kurauwi iaitu *Insyirah* (2009) dan *Penenun Cinta* (2016) bagi melihat peranan manusia sebagai khalifah Allah serta hubungannya sesama manusia dan hubungan dengan Allah. Kajian ini menggunakan teori takmilah oleh Shafei Abu Bakar dengan memanfaatkan tujuh prinsip ke atas novel tersebut. Dikesani, kedua-dua novel ini merupakan karya yang baik dan selari dengan prinsip-prinsip Ketuhanan, Kerasulan, Keislaman, Ilmu, Sastera, Pengarang dan Pembaca saling melengkap antara satu sama lain dalam membentuk kesatuan. Dikatakan bahawa, novel yang ditekuni merupakan manifestasi hubungan manusia sebagai khalifah Allah di bumi.

Seterusnya, terdapat beberapa kajian yang dikerjakan ke atas novel *Ruang Perjalanan*, misalnya Abdullah Tahir (1990: 70) membuat penelitian berdasarkan novel *Ruang Perjalanan* dari dua aspek, iaitu penganalisan persoalan-persoalan yang diketengahkan oleh S. Othman Kelantan dan memperincikannya sebagai sebuah hasil seni. Tidak ketinggalan dinyatakan juga pembicaraan mengenai aspek struktur dan pandangan beliau secara keseluruhan. Dapatan kajian yang diperoleh menjelaskan

bahawa novel tersebut dapat dikelaskan sebagai cereka premis atau lebih tepat lagi dimasukkan ke dalam kategori cereka mimpi atau *dream fiction*. Beliau percaya bahawa S. Othman Kelantan ingin mencipta sebuah novel post-modern yang diadun dalam pelbagai rupa bentuk kesusasteraan yang tidak mementingkan cerita tetapi mementingkan idea.

Idris Zakaria (1990: 40) juga ada menyatakan pandangannya mengenai novel *Ruang Perjalanan*. Namun pemerhatiannya menjurus kepada pemikiran Islam dan falsafah dalam karya tersebut. Beliau menyatakan bahawa novel S. Othman Kelantan cuba mengajak pembaca meneliti satu persatu perdebatan yang mengisahkan pemikiran manusia dari fasal satu hingga fasal lima belas. Terdapat dua persoalan yang ingin dikemukakan oleh S. Othman Kelantan iaitu pergeseran nilai dan pemikiran watak utamanya, iaitu “Aku” yang mewakili zaman lampau yang penuh dengan norma agama dan budaya kekampungan dengan watak “Anakku” dan “isteriku” yang cekal mempertahankan nilai sains dan teknologi yang berorientasikan pemikiran atheistik dan materialistik. Selain itu diterangkan juga fungsi agama Islam sebagai agama yang besar dalam zaman sains dan teknologi akan datang. Dua persoalan yang mendominasi karya tersebut dilakar dengan penuh pengertian sehingga berjaya mengangkat nilai karya itu sendiri.

### **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hubungan agama Islam dengan sains dan teknologi sangat akrab kerana mempunyai peranan dan sumbangan yang penting dalam membina tamadun manusia (Ab. Aziz Ismail, 2008: 10). Sains dan teknologi hadir membawa kemajuan, kemudahan serta keselesaan, manakala Islam disebarkan untuk memimpin manusia ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Sains terbit daripada perasaan ingin tahu manusia terhadap persekitarannya. Ia merupakan salah satu cabang ilmu yang utama yang dapat digunakan untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan manusia. Dengan hanya melihat kepada proses penciptaan alam ini sahaja, sudah menimbulkan banyak ketakjuban kepada kekuasaan Allah. Sejarah telah melakarkan bahawa, suatu masa dahulu umat Islam pernah mencapai kegemilangannya dalam bidang sains. Antara tokoh yang dimaksudkan adalah Ibn Sina, Ibn Rushd, al-Khawarizmi dan al-Biruni. Namun, perkara yang mungkin membezakan pencapaian mereka dengan masyarakat hari ini adalah berdasarkan pegangan kukuh mereka terhadap al-Qur’an dan hadis. Tambahan pula, dunia hari ini menyaksikan masyarakat Barat dan Jepun lebih memonopoli dan menyerlah dalam bidang sains dan teknologi berbanding umat Islam.

Dalam konteks kajian, novel *Ruang Perjalanan* memperlihatkan satu fenomena ketaksuban terhadap teknologi seperti komputer, teleskop, robot dan internet. Tujuan sebenar teknologi ini diwujudkan adalah untuk memberi kemudahan kepada manusia dan menjalani kehidupan dengan lebih sempurna (Pisol Maidin, 2011: 19). Namun begitu, disebabkan oleh kebergantungan sepenuhnya pada teknologi ini, manusia digambarkan seakan kehilangan nilai-nilai kemanusiaan sehingga digelar “manusia mesin”. Hal ini tiada lain disebabkan oleh pengaruh Barat yang menjadikannya sebagai kayu ukur untuk menggambarkan kemajuan dan kemunduran sesebuah negara. Peredaran zaman yang pantas menyebabkan manusia tidak mahu ketinggalan dalam bidang sains dan teknologi serta semakin aktif mencipta peralatan elektronik terbaru dan canggih. Pelbagai evolusi berlaku dalam bidang teknologi dapat dikesani hari ini. Malaysia tidak terkecuali dilihat berlumba-lumba untuk mengubah taraf negara sedang membangun kepada negara maju.

Namun begitu, fungsi teknologi pada zaman akan datang misalnya dikatakan melebihi peranan manusia dalam menjalankan aktiviti seharian.

Pertama sekali perbincangan akan dihalakan kepada komputer. Ia merupakan sejenis peralatan elektronik yang boleh diprogramkan bagi menerima data (aliran masuk) dan memproses data tersebut ke dalam bentuk maklumat (aliran keluar) (Abdul Wahab Dawam, 1997: 1). Proses tersebut dikawal oleh perisian dan diproses oleh perkakasan komputer. Ia dikatakan sangat berguna bagi memudahkan kerja atau pengoperasian tugas yang rumit. Komputer digunakan dalam pelbagai bidang misalnya penerokaan angkasa lepas, perhubungan, ketenteraan, industri, perniagaan dan pendidikan. Walau bagaimanapun, penggunaannya yang meluas dan tidak terkawal telah menghakis nilai-nilai kemanusiaan. Dalam novel *Ruang Perjalanan*, watak “Anakku” digambarkan telah hilang kemanusiaannya akibat penggunaan komputer tanpa batasan:

Pernahkah generasiku memikirkan akan hidup pada zaman akan datang yang segala-galanya diputuskan oleh komputer atau mesin yang lebih moden? (*Ruang Perjalanan*, hlm. 2).

Watak “Anakku” digambarkan begitu bergantung dan taksud dengan komputer. Sehingga segala hal tentang kehidupannya ditentukan oleh komputer. Hal ini mengakibatkan peranan “Aku” sebagai seorang bapa seakan dinafikan. Segala nasihat dan tunjuk ajar sudah tidak dipedulikan, sebaliknya ditentukan oleh komputer. Pengarang menggunakan perlambangan “komputer” untuk menggambarkan keputaran nilai kemanusiaan dalam kalangan generasi dunia siber. Kemungkinan seseorang anak untuk tidak patuh dan menghormati bapa sangat tinggi. Hal ini disebabkan oleh peredaran masa yang pantas telah menjarakkankan hubungan anak dan bapa. Inilah yang dimaksudkan Kuntowijoyo sebagai manusia mesin, iaitu manusia yang telah kehilangan jati diri akibat pengaruh teknologi. Menerusi novel ini juga, pengarang cuba membayangkan bahawa generasi akan datang akan turut sama bergantung kepada keputusan mesin sebelum melakukan sesuatu, bukan lagi keizinan dan restu daripada ibu bapa.

Pengarang secara sedar telah mengembalikan kemanusiaan kepada khalayak untuk menghormati kedua ibu bapa. Hal ini berdasarkan dalil daripada surah al-Israa ayat 23, “*Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang atau kedua-duanya sampai umur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali jangan kamu mengatakan kepada keduanya perkataan ah dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia. Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah, ‘Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya sebagaimana mereka menyayangiku ketika aku masih kecil’.*”

Selain penggunaan komputer, pengarang turut memaparkan fungsi teleskop yang disalahgunakan sehingga menyebabkan seseorang itu memiliki sifat dehumanisasi. Teleskop berasal daripada perkataan Greek iaitu *tele* yang bermaksud jauh dan *skopein* yang bererti mencari atau melihat (<http://ms.m.wikipedia.org/wiki/Teleskop>). Ia digunakan untuk melihat objek yang sangat jauh dari penglihatan manusia misalnya bintang dan bulan. Teleskop biasanya merujuk kepada teleskop optik. Selain itu, terdapat juga teleskop yang digunakan untuk kebanyakan sinaran elektromagnet dan isyarat jenis lain. Teleskop terdiri daripada dua kanta iaitu kanta objektif dan kanta mata. Kanta objektif menumpukan sinar cahaya yang jauh lalu membentuk imej yang nyata, songsang

dan mengecil dititik fokus kanta mata manakala kanta mata membesarkan imej kanta objektif itu. Namun begitu lewat *Ruang Perjalanan*, teknologi teleskop ini telah mengakibatkan kehilangan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri masyarakat industrialisasi, misalnya:

Dan dengan sedikit daya yang aku masih ada, aku berjalan perlahan-lahan mencapai teleskop yang tergantung di sudut anjung itu. Teleskop itulah satu-satunya mataku yang kedua untuk melihat segala pandangan konkrit sepanjang halaman kosong berawan itu. Ketika aku mengenakan teleskop itu ke mataku, aku hanya dapat melihat deretan kenderaan yang mulai menghantui jalan-jalan di bawah antara bata-batan yang menjulang langit. Aku hanya mendengarnya secara perbauran yang amat mengerikan. Ia telah mewujudkan satu raksasa bunyi yang menyebabkan kebanyakan generasi akan datang anakku dihinggapai penyakit skizofrenia itu (*Ruang Perjalanan*, hlm. 6).

Penggunaan teleskop untuk menyaksikan kenderaan di atas jalan raya seakan menggambarkan keterasingan watak “Aku” dengan dunia luar. Lebih-lebih lagi watak ini dilukiskan tinggal di tingkat 91 sebuah kondominium. Hubungan kejiranan di kota sangat jauh kerana masing-masing sibuk dengan pekerjaan. Melalui simbolisme penggunaan teleskop, pengarang mengembalikan kemanusiaan kepada khalayak agar lebih mengenal serta bertegur sapa dengan jiran tetangga. Ia dinyatakan dalam surah an-Nisaa ayat 36, “*Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu menyekutukannya dengan apa jua cara, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, jiran tetangga yang dekat mahupun jauh, rakan, orang musafir dan hamba sahaya yang kamu miliki, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong, takbur dan membanggakan diri.*”

Seterusnya, pemeragaan manusia mesin oleh pengarang diperlihatkan menerusi penggunaan teknologi robotik dalam lapangan industri. Hal ini merupakan kesan daripada perkembangan teknologi sehingga penciptaan robot berupaya membantu manusia dalam menyiapkan tugas yang sulit dan rumit. Robot adalah sebuah alat mekanikal yang dapat melakukan tugas fisik sama ada di kawal oleh manusia (manual) atau diprogramkan terlebih dahulu (automatik). Bentuk robot bervariasi dengan kegunaan masing-masing. Ada yang berbentuk haiwan, kenderaan dan manusia. Robot manusia misalnya dikatakan tidak mampu meniru semua tingkah laku manusia, sebaliknya mengadopsi sesetengah sistem seperti penglihatan, pendengaran dan gerak laku. Dalam bidang industri seperti automobil dan elektronik, robot dikatakan sudah banyak menggantikan peranan manusia. Hal ini kerana, robot mudah untuk diprogramkan dan mampu meningkatkan hasil pengeluaran. Pemeragaan fungsi robot dalam kehidupan juga dilukiskan pengarang melalui *Ruang Perjalanan*, misalnya:

Dan inilah setelah anakku mencapai kedewasaannya dalam hidup dan pekerjaan, dia menghidupkan hari-harinya dengan pandangan sains dan teknologi. Dia menghayati suatu zaman akan datang yang penuh dengan tenaga mesin (*Ruang Perjalanan*, hlm. 4).

Didapati novel ini memaparkan pergantungan manusia kepada teknologi robotik dalam bidang perindustrian sehingga tenaga manusia seakan tidak diperlukan lagi. Pengarang mengembalikan kemanusiaan khalayak bahawa penggunaan teknologi robotik semata-mata akan menghapuskan kaum buruh di Malaysia. Secara tidak langsung dan

peminggiran tenaga buruh dalam bidang industri, ia secara tidak langsung akan menaikkan kadar pengangguran, kemiskinan dan jenayah (<http://www.wordpress.com/dimasjoe10/faktor>). Dalam Islam, pekerjaan mempunyai taraf kemuliaan yang besar berbanding agama dalam kebudayaan lain (Mat Sa'd Abdul Rahman, 1986: 1). Sabda Rasulullah SAW dalam suatu Riwayat Ibn 'Umar, "Sesungguhnya Allah menyayangi hamba-Nya yang mukmin yang mempunyai pekerjaan".

Selain pemeragaan unsur teknologi seperti komputer dan robot, penggunaan internet atau *wireless* juga dikatakan antara punca manusia kehilangan nilai-nilai kemanusiaan pada zaman akan datang. Internet merupakan salah satu dari rangkaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang penting (Shaikh Mohd Saifudeen Shaikh Mohd Salleh, 2000: 1). Kesannya begitu besar kepada umat manusia dan merupakan perkembangan yang disambut dengan positif. Internet merupakan suatu cara untuk membangunkan umat manusia di seluruh dunia yang memperlihatkan masyarakat dunia tinggal dalam suatu perkampungan global yang tidak mengenal batas geografi dan politik. Walau bagaimanapun di sebalik kelebihan yang ditawarkan, terdapat juga kesan buruk akibat daripada penggunaan internet. Ia diserlahkan pengarang lewat:

Manusia juga sudah seperti kehilangan perasaan. Mereka sudah tidak sempat hendak bertegur sapa. Hubungan kejiwaan digantikan dengan saluran satelit siaran langsung yang masuk ke kamar. Masing-masing menumpukan perhatian kepada maklumat terbaru dalam perkembangan teknologi zaman akan datang (*Ruang Perjalanan*, hlm. 10)

Manusia zaman akan datang begitu memuja teknologi sehingga berlumba-lumba mahu mendapatkan maklumat terbaru tentang perkembangannya. Kemudahan internet dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi dibangunkan dengan jayanya. Ia membolehkan manusia untuk mengetahui tentang isu semasa, berbicara, membeli barang dan menghantar maklumat hanya melalui hujung jari. Namun begitu, di sebalik kemudahan ini manusia dikatakan lebih suka terperap di rumah dan tidak mahu bermahu bergaul dalam sistem masyarakat. "Keterperukan" ini menyebabkan manusia hilang sifat kemanusiaan sehingga ia gagal membangunkan komunikasi sosial yang baik dalam kalangan masyarakat. Justeru itu lewat *Ruang Perjalanan*, pengarang mengembalikan kemanusiaan yang hilang itu dengan menyedarkan khalayak supaya menjaga hubungan kejiwaan kerana ia merupakan salah satu dari perbuatan baik yang digalakkan dalam Islam. Ia berdasarkan Riwayat Muslim, daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah ia memuliakan jirannya."

### **Manusia dan Masyarakat Massa**

Dewasa ini, sektor perindustrian kian diberikan keutamaan dalam usaha mengatasi masalah pembangunan ekonomi negara (Zaini Mahbar dan Mohaini Tajuddin, 1996: 11). Selain menambah nilai serta memperbanyakkan kegiatan eksport, sektor perindustrian juga telah mengurangkan beban import dan hutang negara. Hakikat tersebut telah mencetuskan suatu impian yang membawa kepada lahirnya satu Wawasan 2020. Ia merupakan suatu visi dan harapan yang membayangkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian yang maju dan membangun dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan misalnya. Hal ini mengakibatkan berlakunya pelbagai perubahan ke arah pembangunan

khususnya dalam menyediakan kemudahan infrastruktur. Oleh itu, kegiatan penerokaan tanah mulai dijalankan secara berleluasa.

Pembalakan haram berlaku apabila hutan belantara diteroka tanpa sekatan untuk tujuan mendirikan pelbagai kemudahan infrastruktur termasuklah rumah, kedai atau hotel misalnya. Hutan merupakan antara khazanah dunia yang sangat bernilai kepada makhluk Allah. Ia merupakan habitat bagi pelbagai spesis flora dan fauna. Sumber hutan memberikan faedah kepada negara misalnya dalam bidang perubatan dan perabot. Ia juga berfungsi sebagai kawasan tadahan hujan dan sumber yang membekalkan kayu balak dan kertas bagi negara. Namun di sebalik fungsinya yang memberikan manfaat kepada manusia, kawasan hutan ini mulai dicerobohi oleh segelintir masyarakat yang tamak. Mereka melakukan penerokaan hutan untuk membina empangan hidroelektrik, kawasan perindustrian, tempat tinggal dan infrastruktur. Inilah yang dimaksudkan Kuntowijoyo sebagai kehilangan kemanusiaan akibat industrialisasi. Ia turut diserlahkan pengarang menerusi watak penduduk zaman akan datang lewat:

Dan sekarang aku sedang berdiri di tengah-tengah belantara kota yang telah mencerut seluruh kehidupan anakku. Mencerut dan menelan seluruh keseluruhan manusia Melayu abad akan datang ini (*Ruang Perjalanan*, 1989: 1).

S. Othman Kelantan dikesani menggunakan istilah “belantara kota” bagi menggantikan “hutan belantara”. Hal ini membawa maksud bahawa perkembangan industrialisasi yang pesat pada masa akan datang. Dapat dikatakan bahawa berlaku kemusnahan hutan yang teruk apabila digambarkan terbinanya pusat membeli belah sebesar negeri, pusat-pusat pelancongan dan bangunan pencakar langit yang lain. Ia sekaligus membuktikan bahawa manusia pada zaman akan datang sudah hilang kemanusiaannya kerana tidak peduli tentang kepupusan sumber dan kemusnahan habitat alam semulajadi. Kawasan yang dahulunya hanyalah sebuah perkampungan, telah dirobohkan untuk tujuan pembangunan. Pengarang mengembalikan eksistensi kemanusiaan ini dengan menyedarkan khalayak untuk memelihara keindahan alam sekitar. Ia berdasarkan dalil dalam surah al-A’raf ayat 56, “*Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah memperbaikinya.*”

Di samping pemeragaan fenomena belantara kota, pengarang turut memperlihatkan isu kebebasan individu yang juga merupakan kesan langsung dari industrialisasi. Kebebasan individu menurut Barat adalah merupakan keupayaan melakukan sesuatu secara bebas tanpa sebarang sekatan daripada pihak lain. Sejak Revolusi Perancis, kebebasan individu di Barat bukan sahaja dipertahankan malahan menjadi suatu kemestian. Apa sahaja yang dilakukan oleh seseorang itu atas nama kebebasan individu tidak boleh dihalang meskipun bersalahan dengan prinsip dan nilai agama, bahkan norma masyarakat. Isu kebebasan individu ini turut diserlahkan pengarang melalui pemeragaan watak “Anakku”, misalnya:

Anakku, kau adalah waris zaman ini. Sebagai waris mutlak kau mempunyai kebebasan tanpa sempadan, sehingga kau tidak mengenal moral dan agama (*Ruang Perjalanan*, 1989: 19)

Watak “Anakku” telah menolak fungsi agama, moral dan undang-undang dalam kehidupan seharian. Watak ini menganggap etika-etika tersebut mampu membuat manusia merasa “terpenjara” dan tidak bebas untuk melakukan apa yang disukai. Justeru,

isu kebebasan individu bawaan Barat telah dijadikan pegangan untuk hidup secara moden tanpa kongkongan. Pengarang mengembalikan nilai-nilai kemanusiaan kepada khalayak dengan menyedarkan khalayak bahawa, manusia sememangnya diberi kebebasan untuk memilih sama ada mahu mengikut suruhan Allah ataupun mengingkarinya. Namun begitu, ganjaran pahala dan syurga diberikan kepada hamba-Nya yang patuh kepada perintah Allah manakala dosa dan neraka bagi mereka yang ingkar. Hal ini kerana, matlamat hidup seorang manusia di dunia adalah mengabdikan diri dan melakukan ibadah sebagai bekalan mereka di akhirat kelak. Firman Allah dalam surah al-Dzzariyat ayat 56, “*Dan tidaklah Aku menciptakan manusia dan jin melainkan untuk menghambakan diri mereka kepada-Ku.*”

### **Budaya Massa**

Lewat isu budaya massa, ia ditemukan dalam *Ruang Perjalanan*. Novel ini memaparkan masyarakat yang membanggakan teknologi sofistikated dan pemikiran saintifik sehingga melenyapkan rupa dan nilai kampung tradisi, diperihalkan:

Seperti kebiasaan hari-hari yang aku lalui, aku sentiasa berada di kondominium anakku. Dalam kesepian yang menyibuki kota metropolitan dan kosmopolitan ini, aku tersadai pada suatu ruang zaman yang menjalin nostalgia dalam dadaku. Anakku adalah waris generasi akan datang yang melenyapkan rupa dan nilai desa dan kampung tradisi (*Ruang Perjalanan*, 1989: 3)

Ia memaparkan tentang kekecewaan watak “Aku” yang hidup dalam zaman moden yang jauh meninggalkan tradisi. Watak “Aku” dikatakan rindu kepada suasana kehidupan di desa yang mendamaikan. Watak “Aku” diperagakan sebagai seorang yang masih berpegang kepada akar tradisi dan kebudayaan Kelantan. Berbeza dengan “Anakku” yang telah hilang nilai-nilai kemanusiaannya terhadap budaya warisan akibat daripada perkembangan sains dan teknologi. Pengarang mengembalikan nilai-nilai kemanusiaan yang terhapus itu dengan menyedarkan khalayak bahawa unsur budaya itu harus dipelihara untuk tatapan masyarakat akan datang. Hal ini kerana, Kelantan merupakan antara negeri yang kaya dengan nilai budaya.

### **KESIMPULAN**

Manusia telah dikurniakan segala keistimewaan yang membezakannya dengan ciptaan Allah yang lain. Seseorang manusia itu harus memiliki keyakinan dan akidah yang tinggi supaya mampu menjalankan amanah Allah sebagai khalifah yang terbaik di muka bumi ini. Panduan yang terdapat dalam al-Qur’an harus ditadburi dalam usaha mengekalkan kesejahteraan hidup dan masyarakat, seterusnya menjamin kestabilan negara yang kian mapan dari aspek politik, sosial, ekonomi dan teknologi. Namun begitu, sebagai manusia yang tidak sempurna, sering melakukan kesalahan, terpengaruh dengan hasutan syaitan, harus lekas sedar dan kembali ke akar Islam agar tidak terkandas di lembah kehinaan. Lewat pemerhatian terhadap *Ruang Perjalanan*, didapati watak “Aku” dan “Anakku” jiran-jiran “Anakku” telah kehilangan jati diri akibat pengaruh industrialisasi. Di sinilah datangnya sumbangan dalam bidang sastera, kerana tugasnya bukan semata-mata mimesis zaman dan manusia, tetapi penyumbang kepada kritikan sosial terhadap masyarakat yang tidak seimbang menurut pemikiran pengarang. Melaluinya novel ini

juga, secara tidak langsung S.Othman Kelantan memenuhi tuntutan keprofetikannya apabila menghasilkan karya yang menyedarkan khalayak untuk kembali kepada eksistensi mereka sebagai khalifah Allah. Ia dilakukan dengan cara menjadikan agama sebagai panduan hidup tidak kira dalam apa lapangan dan zaman sekalipun. Secara umumnya, novel ini memenuhi etika *amar ma'ruf* seperti yang difahami lewat Gagasan Profetik Kuntowijoyo.

### **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Ismail. 2008. *Beberapa Aspek Sains dan Teknologi dalam Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Abdullah Tahir. 1990. Dunia dalam *Ruang Perjalanan*, *Dewan Sastera*, April, 70-74.
- Abdul Wahab Dawam. 1997. *Sistem Komputer Satu Keperluan Masa Kini*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Abul Khari al-Latifi. 1994. *Keruntuhan Martabat Umat Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.
- Ahmad bin Hussein al-Azhari. 2007. *Kontroversi Hukum dan Nyanyian dan Alat Muzik*. Surakarta: Daar An-Naba'.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1993). *Jambak I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Abdul Aziz Juned. 1998. *Islam dan Muzik*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan.
- Gibson, W. 2003. *Neuromancer*. New York: Penguin Putnam Inc.
- Ismail Hj. Ibrahim. 1999. *Isu-isu Semasa dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Koo Kay Kim. 1982. *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Kuntowijoyo. 2001. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya.
- Kuntowijoyo. 2006. *Budaya dan Masyarakat*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Mat Sa'd Abdul Rahman. 1986. *Pekerjaan dan Kaum Buruh: Satu Analisa dari Sudut Islam*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Mohd Faizal Musa. 2010. *Sastera Islam: Fenomena, Wacana dan Penerapannya di Malaysia dan Indonesia*. Tesis Doktor Falsafah Institut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Pisol Maidin (Pnyt). 2011. *Kesepaduan Agama dan Sains*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Rosen E. & Shaply H. 1947. The Naming of The Telescope, Whitefish: Literary. Muat turu pada 6 Ogos, 2020 daripada Licencing [www.wikipedia.org/ketelcope](http://www.wikipedia.org/ketelcope)
- Rosnani Hashim. 2002. Dualisme Pendidikan Umat Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan dan Cabaran Masa Depan. *Jurnal Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- S. Othman Kelantan. 1989. *Ruang Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Othman Kelantan. 2006. *Orang Kota Bharu: Edisi Khas Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saifullizan Yahaya. 2013. Konsep Kaffah dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Berdasarkan Gagasan Sastera Profetik. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Shaikh Mohd Saifudeen Shaikh Mohd Salleh. 2000. *Memahami Islam Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaini Mahbar dan Mohaini Tajuddin. 1996. *Industrialisasi dan Pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adib, S.M.. 2004. From The Biomedical Model to The Islamic Alternative: A Brief Overview of Medical Practices in The Contemporary Arab World. *Social Science and Medicine*, 58(4), 697-702.
- Ali Salman & Mohd Safar Hasim. 2012. Internet Difussion in Muslim Community: A Case Study Among Sub-Urban Malays in Malaysia. *Jurnal Melayu*, (9), 141-154.
- Amir Zakiy Hamzah & Che Abdullah Che Ya. 2019. Novel Ibnu Ahmad Al Kurauwi: Manifestasi Hubungan Antara Manusia dan Khalifah di Bumi Allah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-14.
- Arief Luqman, Aquarini Priyatna & Lina Meilinawati Rahayu. 2015. Ketergantungan Manusia Terhadap Teknologi dalam Novel Neoromencer karya William Gibson. *Metasastra*, 8(2), 225-238.
- Astin, J.A. 1998. Why Patients Use Alternative Medicine: Results of A National Study. *JAMA*, 279 (19), 1548-1553.
- Azaizeh, H., Saad, B., Cooper, E., & Said, O. 2010. Traditional Arabic and Islamic Medicine: A Re-emerging Health Aid. *Evid Based Complement Alternat Med*, 7(4), 419-424.
- Jalaluddin Abdul Malek. 2008. Pemikiran Siber Urbanisme Masyarakat Melayu di Bandar Pintar. *Jurnal Melayu*, 3, 1-24.
- Khadher Ahmad & Mohd Farhan Md Ariffin. 2013. Pengubatan Alternatif Berteraskan Islam: Analisis Perkembangan dan Hala Tujunya di Malaysia. *Jurnal ILIM: Institut Latihan Islam Malaysia*, 6: 55-87.
- Mohd. Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohamad Zaim Ismail & Muhammad Ikhlas Rosele. 2013. Seni Perubatan Alternatif di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal al-Thaqafah (GJAT)*, 3(2), 79-90.
- Mohd Farhan Md. Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohamad Zaim Ismail. 2016. Rawatan Kesihatan Berasaskan Perubatan Alternatif Islam: Persepsi Masyarakat di Malaysia. *Jurnal Rampak Serantau*, 23(6), 1-30.
- Naquiah Nahar, Sahrnunizam Sangi, Dharsigah a/p Banicar Salvam, Nurhidayu Rosli & Abdul Hafiz Abdullah. 2019. Impak Negatif Teknologi Moden dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87-99.
- Rosnani Md. Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. 2019. Unsur Sains dan Sastra dalam Novel Remaja Terpilih. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 166-182.
- Seegert, A. 2010. Technology and The Flashly Interface in E.M Foster's 'The Machine Stops'. *Journal of Ecocriticism*, 2(1), 33-54.
- Tuan Rusmawati, Mawar Safei & Muhammad Ghadaffi Hanafiah. 2018. Analisis *Wajah Seorang Wanita* Menerusi Tu'minubillah dalam Sastra Profetik. *Jurnal Melayu*, 17(2), 178-196.

**Biodata Penulis:**

**Tuan Rusmawati Raja Hassan (PhD)** adalah pensyarah di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah Teori dan Kritikan Sastera.

**Mawar Safei (PhD)** adalah Prof. Madya di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususannya ialah Kreativiti dan Sastera Melayu.